



CIDB
MALAYSIA

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA**

PEKELILING BIL. 2/2008

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR

**PROGRAM PEMBANGUNAN
KONTRAKTOR SECARA BERTERUSAN
*CONTRACTOR CONTINUOUS
DEVELOPMENT PROGRAM (CCD)***

1.0 TUJUAN

- 1.1 Memaklumkan kepada semua kontraktor yang berdaftar dibawah Akta 520 bahawa mereka adalah dikehendaki untuk menyertai Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD).
- 1.2 Memaklumkan kepada semua kontraktor bahawa Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD) ini memperkenalkan sistem pungutan mata CCD yang boleh dikumpul melalui penyertaan mereka dalam seminar, persatuan, penerbitan dan lain-lain acara CCD yang ditetapkan oleh CIDB.
- 1.3 Memaklumkan kepada semua kontraktor bahawa wakil syarikat yang boleh mewakili pihak kontraktor untuk mengikuti Program CCD adalah seperti berikut:-
 - a. Pemilik/rakan kongsi syarikat,
 - b. Pengarah syarikat atau
 - c. Pengurusan utama atau kakitangan syarikat yang digajikan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan profesionalisme kontraktor melalui penyertaan mereka dalam program-program CCD.
- 2.2 Memberi pengiktirafan kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan berjasa kepada industri pembinaan samada diperingkat dalam mahupun luar negara.
- 2.3 Mempertingkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan kontraktor pembinaan tempatan.

3.0 PERLAKSANAAN PROGRAM CCD

3.1 Jumlah mata CCD yang perlu dikumpul oleh kontraktor adalah seperti jadual dibawah.

GRED PENDAFTARAN	MATA CCD SETAHUN
G1 dan G2	10
G3 dan G4	20
G5 dan G6	30
G7	40

3.2 Pengiraan bagi jumlah mata CCD akan dibuat berdasarkan kepada jumlah mata CCD sepanjang tempoh pendaftaran dan dibahagi dengan bilangan tahun pendaftaran.

3.3 Program/aktiviti yang membawa mata CCD adalah seperti Lampiran A.

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Semua kontraktor boleh memulakan pengumpulan mata CCD bermula dari tarikh surat pekeliling ini ditandatangani.

4.2 Penguatkuasaan mata CCD bagi tujuan pembaharuan perakuan pendaftaran akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2010. Kontraktor yang gagal mengumpul jumlah mata CCD seperti di dalam jadual 3.1 akan menyebabkan perakuan pendaftaran mereka tidak akan diperbaharui atau gred pendaftaran mereka akan diturunkan.

4.3 Kontraktor perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti sijil, surat sokongan atau lain-lain sebagai bukti mata CCD yang telah dikumpul semasa mengemukakan permohonan untuk pembaharuan perakuan pendaftaran kontraktor.

5.0 PERTANYAAN / KUIRI

5.1 Sebarang kemusykilan yang timbul dari pekeling ini hendaklah dirujuk kepada:

Pengurus Besar/Pengurus Kanan
Bahagian Pembangunan Kontraktor
Sektor Pembangunan Kontraktor dan Personal Binaan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue
No.72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 0200
Fax : 03-2617 0340

“ BINA SEMPURNA ”



(DATUK IR.HAMZAH HASAN)

Ketua Eksekutif

Tarikh : 1 Ogos 2008

**Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan
'Continuous Contractor Development (CCD)'
SKIMA MATA CCD**

Lampiran A

NO	ACARA CCD		PENERANGAN	MATA CCD SETIAP ACARA	MATA CCD SETAHUN		
1	Konvensyen, Forum, Seminar, Bengkel, Syarahan, Lawatan teknikal, Kursus, Latihan.	a	Menghadiri konvensyen, persidangan, forum, seminar, bengkel, kursus pendek dan program yang berkaitan sebagai peserta yang dianjurkan oleh CIDB dan agensi kerajaan yang berkaitan				
			- 2 hari atau lebih	16			
			- sepenuh hari	8			
			- separuh hari	4			
b	Menghadiri konvensyen, persidangan, forum, seminar, bengkel, kursus pendek dan program yang berkaitan sebagai peserta yang di anjurkan oleh pihak lain yang diiktiraf oleh CIDB						
			- 2 hari atau lebih	14			
			- sepenuh hari	6			
			- separuh hari	3			
c	Lawatan teknikal / Misi Pelaburan Antarabangsa yang dianjurkan oleh CIDB atau pihak lain yang berkaitan yang diiktiraf oleh CIDB.			8			
d	Latihan kemahiran pembinaan yang dianjurkan oleh Akademi Binaan Malaysia (ABM) atau pusat latihan yang telah diiktiraf oleh CIDB			25			
2	Terlibat di dalam Program – Program Pembangunan CIDB	a	Ahli Lembaga Pengarah CIDB		20		
			b	Jawatankuasa CIDB (kumpulan; pakar/khas/gerak kerja dan sebagainya) - (Kehadiran mesyuarat minima sebanyak 60%)		20	
				c	CIDB's Mediator, Adjudicator, etc.	20	
				d	Penyertaan di dalam pertandingan MCIEA	10	
3	Persembahan ucpatama, kertas kerja dan sebagainya	a	Penceramah, Pengerusi atau ahli panel terlibat di dalam penyediaan dan persembahan ucpatama atau kertas kerja bagi persidangan, konvensyen, forum, seminar, bengkel, kursus dan sebagainya.				
			Dianjurkan oleh CIDB	6			
			Dianjurkan oleh pihak lain yang diiktiraf oleh CIDB.	3			
4	Berkhidmat kepada Profesion	a	Pemilik berdaftar kepada syarikat pembinaan yang berkhidmat dengan persatuan/pertubuhan pembinaan yang diiktiraf oleh CIDB; yang mana telah menghadiri secara kerap mesyuarat (60% kadar kehadiran minima) selaku mana – mana pemegang jawatan seperti di bawah samada diperingkat kebangsaan atau negeri.				
			i. Presiden ii. Timbalan Presiden, Naib Presiden iii. Ahli Majlis iv. Ahli Jawatankuasa v. Ahli biasa			10 8 6 4 1	
5	Penerbitan Buku atau artikel	a	Penerbitan buku berkait dengan profesion >100 muka surat	20			
			b	Penerbitan buku berkait dengan profesion <100 muka surat		15	
			c	Penerbitan artikel di dalam jurnal, majalah atau akhbar yang berkaitan dengan profesion.		10	
6	Sumbangan kepada aktiviti persatuan berkaitan pembinaan	a	Menghadiri mesyuarat agong persatuan pada peringkat kebangsaan, negeri dan cawangan		4		
7	Lain - lain	a	Anugerah dan pengiktirafan berkaitan dengan aktiviti pembinaan oleh badan / institusi yang diiktiraf oleh CIDB	10			
			b	Penglibatan dan sumbangan yang berkaitan dengan aktiviti pembinaan serta diiktiraf oleh CIDB		Akan Ditentukan Oleh CIDB	

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi mana-mana pejabat CIDB seperti alamat berikut:

(Ibu Pejabat CIDB)
Bahagian Pembangunan Kontraktor
CIDB Malaysia
Tingkat 10A
Grand Seasons Avenue
No 72 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 0200
Faks : 03-2617 0340

CIDB Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
Tingkat 7
Grand Seasons Avenue
No 72 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel : 03-4045 3800
Faks : 03-4045 3858

CIDB Kedah
Lot 1-4, Tingkat 11
City Plaza
Jalan Tunku Ibrahim
05000 Alor Setar
Kedah
Tel : 04-733 1243
Faks : 04-733 1175

CIDB Pulau Pinang
Lot 9.01, Tingkat 9
Bangunan KWSP
No.3009 Off Lebuhraya
Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Jaya
Pulau Pinang
Tel : 04-390 2448
Faks : 04-390 7448

CIDB Perak
Lot 5.02, Tingkat 5
Bangunan KWSP
Jalan Greentow
30450 Ipoh
Perak
Tel : 05-2423 488
Faks : 05-2555 488

CIDB Pahang
Wisma Kontraktor Melayu Pahang
Tingkat Bawah, B246 & B248
Jalan Dato' Lim Hoe Lek
25200 Kuantan
Pahang
Tel : 09-517 8953/8734
Faks : 09-517 8751

CIDB Melaka
No. 24-2 & 26-2, Tingkat 2
Bangunan Kota Cemerlang
Lebuhraya Ayer Keroh
75450 Ayer Keroh
Melaka
Tel : 06-232 8895
Faks : 06-232 8950

CIDB Johor
Lot 2067, Batu 3
Jalan Tampoi
81200 Johor Bahru
Johor
Tel : 07-234 4808
Faks : 07-234 4807

CIDB Kelantan
No. U7.2, Tingkat 7
Menara Perbadanan
Jalan Tengku Petra
Semerak
15000 Kota Bharu
Kelantan
Tel : 09-744 4311
Faks : 09-743 4311

CIDB Terengganu
Tingkat 7
Menara Yayasan Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Tel : 09-624 5311
Faks : 09-623 8973

CIDB Sabah
Lot EG. 11
Tingkat Bawah
Blok E, Bangunan KUWASA
88100 Kota Kinabalu
Sabah
Tel : 088-235 060
Faks : 088-242 481

CIDB Cawangan Tawau
TB 306, Tingkat 2
Blok 35
Kompleks Perdagangan Fajar
Jalan Hj. Karim
Beg Berkuci No. 7
91009 Tawau
Sabah
Tel : 089-777 841/842
Faks : 089-777 840

CIDB Sarawak
Tingkat 1, Blok A
Kompleks CIDB
Jalan Sultan Tengah
93050 Kuching
Sarawak
Tel : 082-445 833/446 833
Faks : 082-447 833

CIDB Cawangan Miri
Tingkat 1, Wisma Rela Aman
Lot 1301, Blok 9
MCLD, Miri Water Front
98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-417 431
Faks : 085-417 432